

15hb Julai 2004



Lembaran Baru

Ke Arah Universiti Bertaraf Dunia



Hari Q-Penyelenggaraan 2004

Azlina Ghazali

Perasmian pejabat baru Unit Penyelenggaraan UiTMCS telah dilakukan oleh Prof. Madya Dr. Abang Ahmad Ridzuan Abang Awit pada 17hb. Jun yang lalu bertempat di ruang hadapan pejabat penyelenggaraan sendiri. Hari perasmian ini dipilih sempena Hari Q-Penyelenggaraan yang berlangsung pada 17,18, dan 26hb. Jun. Tujuan Hari Q ini adalah untuk melancar serta mewar-warkan polisi kualiti kepada warga UiTMCS di samping mengeratkan silatur-rahim dengan berbagai aktiviti. Aktiviti pertama merupakan taklimat kesedaran pengguna kepada pelajar-pelajar diikuti oleh pembukaan Kaunter Mesra Pelanggan yang mempamerkan hal-hal berkaitan penyelenggaraan dan gambar-gambar kegiatan vandalisma yang dilakukan sekitar kampus. Adalah diharapkan dengan mewar-warkan polisi kualiti ini, warga UiTMCS akan lebih maklum akan skop kerja bahagian penyelenggaraan dan dapat memberikan sepenuh kerjasama untuk sama-sama menjadikan kampus ini, kampus yang cemerlang,

gemilang dan terbilang seperti yang disarankan oleh Prof. Madya Dr. Abang Ahmad Ridzuan semasa menyampaikan ucapan perasmian beliau baru-baru ini.

Kemuncak hari Q-penyelenggaraan adalah pada 26hb. Jun di mana pertandingan mencari harta karun atau Q-Hunt telah dijalankan dengan disertai oleh 9 buah pasukan yang terdiri dari staf-staf UiTMCS dari berbagai unit dan bahagian. Perlepasan kenderaan telah dilakukan oleh Prof. Madya Dr. Abang Ahmad Ridzuan sementara majlis penutup dan penyampaian hadiah telah dilakukan oleh Pengarah Kampus UiTMCS. Tempat pertama yang merupakan hadiah wang tunai RM400 serta hamper telah dimenangi oleh pasukan dari HEA. Tempat kedua dengan hadiah wang tunai RM300 dan hamper telah dimenangi oleh pasukan unit Pemandu sementara pasukan dari unit Keselamatan telah memenangi tempat ketiga dengan wang tunai RM200 serta hamper. Pasukan Makmal Kejuruteraan telah berjaya merangkul tempat ke empat dengan RM100 serta hamper sementara pasukan-pasukan lain telah mendapat hadiah hamper.

Info Kampus telah mendapat beberapa pandangan tentang servis bahagian penyelenggaraan sejak ianya dinaik-taraffkan. Berikut adalah beberapa pendapat yang telah diutarakan.

"Cara kerja yang lebih sistematik di mana terdapat borang-borang yang disediakan untuk setiap aduan."

En. Mohd. Mahadir – Pentadbiran

"Saya telah membuat aduan kerosakan lampu bilik dan lampu koridor dan saya dapati tindakan telah diambil dengan serta merta."

- En. Che Bakar Che Mat – Pensyarah

"Pada pendapat saya, unit penyelenggaraan sekarang adalah lebih efektif kerana apabila kami mengalami kerosakan air-cond, kami telah membuat aduan dan unit penyelenggaraan telah datang membaiki dengan segera."

- Pn. Norashikin Sabri – Perpustakaan

"Kami pernah mengalami kerosakan set telefon dan apabila laporan dibuat ke bahagian penyelenggaraan, mereka telah menggantikan set baru dengan serta-merta. Ini amat kami hargai kerana dapat memudahkan urusan-urusan kerja kami."

- Cik Gladys Ojek George - HEP

Rainforest World Music Festival 2004




Minggu Mesra Siswa



Hari Aktiviti



American Students at UiTM Sarawak (next issue)



Prof. Jim Graham
(next issue)



Sidang Redaksi

Penasihat

Prof Madya Dr. Abd Rahman Deen

Prof Madya Dr Fatimah Bujang

Penyelaras Penerbitan

Yuthandy Maniam

MB 62/Ext 528

Panel Editor

Tenning F. Seling (Ketua)

MB 79/Ext 469

Cindy Wee (Penolong Ketua)

MB 20/Ext 508

Sharifah Zakiah

MB 199/ Ext 344

Prabha Ramakrishnan

MB 147/Ext 525

Helen Pereira

MB /Ext

Azlina Ghazali

MB 171

Wakil Perpustakaan

Saptuyah Rosli

Ext 207

Wakil Pelajar

Nomiday Dajie

Rafidah Nawawi

Grafik dan Percetakan

Yuthandy Maniam

Bantuan Teknikal

Abdul Khalid Karim

Sirkulasi

Ahmad Lotfi Ariffin

Sabariah Mohd Apandi